

DASAR PRIVASI DATA DALAM TALIAN FUJIFILM

DASAR PRIVASI DATA

DENGAN MENGGUNAKAN LAMAN WEB INI, ANDA BERSETUJU UNTUK KAMI MENGUMPULKAN DAN MENGGUNAKAN DATA PERIBADI ANDA SEBAGAIMANA YANG DINYATAKAN DI DALAM DASAR PRIVASI INI.

Menurut Seksyen 7(3) Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010, Dasar Privasi Data ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Sekiranya terdapat sebarang pertikaian, ketidakseragaman atau percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, istilah versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.

1. TUJUAN & SKOP PENGGUNAAN

1.1 Definisi & Tujuan

- (a) Kecuali seperti yang dinyatakan selainnya di dalam ini, istilah-istilah berikut mempunyai maksud seperti yang dinyatakan di bawah ini bagi semua tujuan berkaitan dasar privasi data dalam talian ("**Dasar Privasi**"):
 - i. "**Akta**": Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010 seperti yang dipinda dari masa ke masa dan versi yang berkuat kuasa pada masa pendrafan Dasar Privasi ini termasuklah perundangan subsidiari, standard dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia;
 - ii. "**Data Peribadi**": Data yang berhubung secara langsung atau tidak langsung kepada individu yang boleh dikenal pasti daripada data tersebut, atau daripada data tersebut dengan kombinasi maklumat lain yang mana Syarikat mempunyai akses terhadapnya, termasuk sebarang data peribadi sensitif seperti yang ditakrifkan dalam Akta dan maksud selainnya yang ditakrifkan di dalam Akta;
 - iii. "**Proses**": Menjalankan sebarang operasi atau set operasi berhubung dengan Data Peribadi termasuk, rakaman; pegangan; pengaturan; adaptasi atau pindaan; pemerolehan semula; penggabungan; transmisi, pemadaman; atau pemusnahan, dan termasuk maksudnya sebagaimana yang ditakrifkan di dalam Akta; dan
 - iv. "**Laman Web**": Laman Web diuruskan dan dikendalikan oleh Syarikat dan yang bermula dengan URL <http://www.fujifilm.com>.
- (b) Dasar Privasi ini menerangkan cara bagaimana Syarikat menguruskan dan memproses Data Peribadi serta hak dan tanggungjawab Anda berhubung Data Peribadi yang dikumpulkan di Laman Web kami ("**Data Peribadi Anda**").

1.2 Skop Penggunaan

Dasar Privasi ini hanya terpakai terhadap Data Peribadi Anda ketika melayari Laman Web ini sahaja dan tidak terpakai untuk Data Peribadi yang dikumpulkan menerusi laman web individu yang lain, termasuklah laman web yang mempunyai ciri dan widget media sosial (sama ada dihos oleh pihak ketiga atau dihos secara langsung di LamanWeb kami). Pengurusan Data Peribadi tersebut akan dikendalikan mengikut terma-terma polisi yang disediakan oleh organisasi yang menyediakan laman web tersebut.

2. PENGURUSAN & PEMROSESAN DATA PERIBADI ANDA

2.1 Tujuan Penggunaan Data Peribadi Anda

- (a) Tujuan penggunaan Data Peribadi yang dikumpul hendaklah dinyatakan dengan jelas di laman web berkenaan, melainkan tujuan penggunaannya adalah difahami dan ketara kepada Anda.
- (b) Pada amnya, Kami hanya memproses Data Peribadi Anda untuk tujuan yang dinyatakan dengan jelas kepada Anda terlebih dahulu dan berlandaskan Dasar Privasi ini. Walau bagaimanapun, Kami berhak untuk melakukan Pemprosesan Tambahan setakat yang dibenarkan atau diperlukan sahaja di bawah undang-undang dan peraturan yang berkenaan, atau sebagai sokongan kepada mana-mana penyiasatan undang-undang atau jenayah.

2.2 Pengumpulan Data Peribadi Anda

- (a) Pada prinsipnya, Anda boleh melayari Laman Web ini tanpa perlu mendedahkan Data Peribadi Anda. Bagaimanapun, beberapa perkhidmatan Kami (seperti pengedaran berita, pendaftaran pengguna dan penghantaran e-mel atau pertanyaan kepada Syarikat) memerlukan Anda memberikan Data Peribadi Anda kepada Kami terlebih dahulu;
- (b) Laman Web Kami mengumpulkan maklumat seperti kandungan yang telah Anda layari di dalam Laman Web, laman web lain yang telah Anda kunjungi melalui Laman Web ini, dan data agregat berkaitan yang boleh diakses dari Laman Web Kami yang tidak mengidentifikasi Anda secara khusus. Tujuan proses pengumpulan maklumat tersebut adalah untuk meningkatkan kualiti Laman Web kami agar lebih mudah digunakan, maklumat tersebut tidak akan dikumpul yang membolehkan Anda dikenal pasti dan Anda juga tidak diidentifikasi dalam proses analisis maklumat.

2.3 Kerahsiaan Data Peribadi Anda

- (a) Syarikat tidak akan mendedahkan, membekalkan, berkongsi atau mengedarkan Data Peribadi Anda kepada pihak ketiga kecuali apabila:
 - i. dengan persetujuan Anda terlebih dahulu atau anggapan persetujuan diberikan menurut Akta;
 - ii. perlu untuk membolehkan afiliasi Syarikat di seluruh dunia menjalankan operasi mereka;
 - iii. Syarikat menentukan dari pertanyaan Anda berhubung produk/perkhidmatan Kami, sama ada ia adalah sesuai untuk afiliasi Syarikat di seluruh dunia yang menyediakan produk/perkhidmatan Syarikat untuk menjawab pertanyaan pelanggan;
 - iv. Pemesanan produk atau penggunaan perkhidmatan lain yang memerlukan yuran. Nama, alamat, nombor kad kredit, dan maklumat lain Anda didedahkan kepada institusi kewangan atau pihak lain untuk tujuan pembayaran;
 - v. Perniagaan kami diserahkan hak atau dipindahkan sama ada melalui penguatkuasaan undang-undang atau selainnya, termasuk penggabungan, penyatuan dan pembubaran atau pemindahan operasi;
 - vi. Pendedahan Data Peribadi Anda diperlukan di bawah undang-undang dan peraturan yang berkenaan, atau pendedahan tersebut perlu untuk menyokong sebarang penyiasatan jenayah atau undang-undang atau prosiding yang dilakukan oleh pihak berkuasa yang berkenaan; atau

- vii. Terdapat keperluan untuk melindungi nyawa manusia atau hak asasi manusia.
- (b) Kami akan mendedahkan Data Peribadi Anda untuk perkara yang dinyatakan di atas, kepada pihak ketiga yang telah bersetuju dengan kami:
- i. untuk menggunakan Data Peribadi Anda hanya bagi tujuan yang dipersetujui terlebih dahulu;
 - ii. untuk tidak menjual Data Peribadi Anda kepada mana-mana pihak ketiga yang lain; dan
 - iii. tidak mendedahkan Data Peribadi Anda kepada mana-mana pihak ketiga lain kecuali jika hanya diperlukan di bawah undang-undang.

2.4 Penyimpanan Data Peribadi Anda

Syarikat akan menyimpan Data Peribadi Anda berlandaskan Akta. Kami akan melupuskan Data Peribadi Anda atau memadam akses bagi sebarang maklumat yang boleh dikaitkan dengan Data Peribadi Anda, sebaik sahaja penyimpanan Data Peribadi ini tidak lagi memenuhi tujuan data dikumpulkan, dan tidak lagi diperlukan untuk tujuan undang-undang atau perniagaan.

2.5 Pemindahan Data Rentas Sempadan

Kami merupakan rangkaian syarikat multinasional dan mempunyai pangkalan data di negara-negara berbeza, antaranya dikendalikan oleh sekutu kami atau pihak ketiga bagi pihak mereka. Kami mungkin memindahkan Data Peribadi Anda ke satu daripada pangkalan data Syarikat di luar negara mastautin Anda. Kami akan memastikan bahawa semua pemindahan data rentas sempadan mematuhi Dasar Privasi ini dan juga undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Jika Data Peribadi Anda dipindahkan ke negara-negara yang mungkin tidak memerlukan tahap perlindungan mencukupi bagi Data Peribadi Anda berbanding tahap yang disediakan di bawah Akta, kami akan mengambil langkah sewajarnya untuk memastikan tahap perlindungan data yang berkesan.

2.6 Langkah Keselamatan

Data Peribadi Anda yang diberikan akan dikendalikan dengan cara yang sewajarnya di bawah tanggungjawab setiap bahagian Syarikat yang menerima Data Peribadi tersebut. Kami menggunakan rangkaian data yang dilindungi oleh pengalis/ dan perlindungan kata laluan piawaian industri dan mengambil langkah sewajarnya untuk melindungi Data Peribadi Anda daripada kehilangan, salah guna, akses tanpa izin, pendedahan, pindaan atau kemusnahan.

3. HAK ANDA UNTUK MENGAKSES, MEMBETULKAN, MEMADAM & MENARIK BALIK PERSETUJUAN

3.1 Mengakses, Mengemas Kini atau Membetulkan Data Peribadi Anda

- (a) Anda boleh meminta untuk mengakses, mengemas kini, membetulkan atau memadam Data Peribadi Anda (atau mana-mana bahagian daripadanya) atau menarik balik Persetujuan Anda atau membantah pengendalian dan Pemprosesan Data Peribadi Anda. Dalam kes pemasaran langsung secara elektronik, Kami akan menyediakan cara untuk Anda memilih tidak menerima bahan pemasaran selanjutnya atau cara untuk Anda memilih menerimanya, sekiranya ia dikehendaki di bawah undang-undang yang berkenaan.
- (b) Jika Anda mahu melaksanakan hak Anda yang dinyatakan di atas atau mempunyai apa-apa soalan atau kemusykilan berhubung dengan Data Peribadi Anda, sila

hubungi Pegawai Perlindungan Data Syarikat di fmal.dpo@fujifilm.com dengan maklumat berikut:

- i. Salinan pengenalan Anda yang sewajarnya;
- ii. Nama Laman Web yang mana Anda telah menyerahkan Data Peribadi Anda; dan
- iii. Maklumat terperinci berkaitan Data Peribadi yang ingin Anda akses, atau untuk dikemas kini, dibetulkan atau dipadam dengan melengkapkan Fujifilm (Malaysia) Sdn. Bhd. Personal Data Access / Correction Request Form. Sila lengkapkan maklumat yang diperlukan di dalam dokumen yang dilampirkan di pautan

3.2 Pengecualian dan Larangan

Permintaan Anda yang dibuat di bawah Seksyen 3.1 ini adalah tertakluk kepada pengecualian dan larangan berkanun yang dinyatakan di dalam Akta dan/atau sebarang undang-undang dan peraturan lain yang berkenaan.

4. PENGGUNAAN KUKI & TAG INTERNET

4.1 Kuki

- (a) Kuki ialah mekanisme untuk menyimpan maklumat, termasuk rekod kegiatan pelayaran internet pengguna, untuk mempermudah penggunaan laman web. Syarikat menggunakan “kuki sesi” untuk tujuan perlindungan privasi. Untuk maklumat lanjut mengenai kuki, sila layari <http://www.allaboutcookies.org>.
- (b) Laman Web ini boleh menggunakan kuki untuk tujuan berikut sambil memastikan identiti pengguna tidak didedahkan.
 - i. Untuk menyediakan fungsi “Save Password” (Simpan Kata Laluan) bagi laman web khas untuk ahli berdaftar sahaja, apabila pelanggan dan/atau pengunjung memasukkan ID dan kata laluan untuk melihat kandungan;
 - ii. Untuk menganalisis akses pelanggan dan pengunjung kepada Laman Web bagi menambah baik operasi atau mengenal pasti punca masalah di Laman Web;
 - iii. Untuk memaparkan iklan bersesuaian di laman pihak ketiga berasaskan minat pelanggan atau penggunaan Laman Web yang terdahulu;
 - iv. Untuk menambah baik perkhidmatan; atau
 - v. Untuk meminta pelanggan dan/atau pengunjung memasukkan semula kata laluan untuk tujuan keselamatan selepas tempoh masa tertentu berlalu.
- (c) Syarikat boleh menyimpan dan merujuk kepada kuki menerusi pihak ketiga yang dilantik Syarikat menerusi khidmat per sumberan luar untuk menyampaikan iklan.
- (d) Dengan menukar penetapan pada pelayar Internet, Anda boleh menyahaktifkan kuki atau membuat penetapan supaya notifikasi akan muncul pada skrin komputer sebelum kuki dikeluarkan. Bagaimanapun, sesetengah perkhidmatan yang disediakan menerusi Laman Web mungkin tidak boleh diakseskan jika kuki dinyahaktif.

4.2 Tag Internet & Pekhidmat Web Pihak Ketiga

Syarikat boleh menggunakan tag Internet seperti Suar Web (juga dikenali sebagai Format Pertukaran Grafik (GIF) nyata atau tag piksel dan boleh menggunakan tag ini menerusi pekhidmat pengiklanan pihak ketiga atau perkhidmatan analisis Web (secara kolektif “**Pekhidmat Web Pihak Ketiga**”) yang terletak di luar Malaysia dan mereka boleh menyimpan maklumat yang berkenaan di luar Malaysia. Pekhidmat Web Pihak Ketiga mungkin akan mengumpulkan Data Peribadi Anda melalui tag Internet dan kuki ini dan melaporkan kepada kami ringkasan aktiviti layar Laman Web Anda. Kami menggunakan tag Internet ini untuk mengkaji tindak balas Anda ketika melayari Laman Web.

5. PENGGUNAAN DNT & CIRI DAN WIDGET MEDIA SOSIAL

5.1 “Do-Not-Track” (Jangan Jejak)

Anda boleh mencegah penjejakan aktiviti dalam talian Anda dengan penetapan “Do-Not-Track” (“DNT”) atau mengaktifkan fungsi Jangan Jejak di pelayar Anda supaya maklumat tertentu tentang Anda tidak disimpan. Bagaimanapun, Laman Web kami mungkin tidak bertindak balas kepada fungsi DNT dari pelayar Web. Untuk maklumat terperinci tentang DNT, sila layari <https://allaboutdnt.com>.

5.2 Ciri dan Widget Media Sosial

Laman Web kami mempunyai ciri-ciri media sosial, seperti butang “Like” Facebook, dan peranti seperti butang “Share This” atau program mini interaktif yang dikendalikan di Laman Web. Ciri-ciri ini boleh dikenal pasti menerusi logo pihak ketiga dan mungkin akan menyimpan alamat IP Anda, laman yang Anda kunjungi di Laman Web dan pengaktifan fungsi kuki bagi membolehkan ciri tersebut. Ciri dan Widget media sosial dihos oleh pihak ketiga atau dihos secara langsung di Laman Web kami. Interaksi Anda dengan ciri-ciri tersebut dikendalikan mengikut dasar privasi organisasi berkenaan yang menyediakan ciri-ciri tersebut.

6. GOOGLE ANALYTICS

Syarikat menggunakan perkhidmatan Google Analytics yang ditawarkan oleh Google Inc. bagi tujuan menilai penggunaan Laman Web, mengoptimumkan trafik di antara Laman Web atau mengintegrasikan Laman Web yang bersesuaian. Maklumat yang dikendalikan oleh kuki mengenai penggunaan Laman Web, termasuk alamat IP Anda, akan disamarkan dan dihantar ke pelayan Google. Untuk maklumat lanjut tentang IP disamarkan, sila rujuk <https://support.google.com/analytics/answer/2763052>.

7. PAUTAN PIHAK KETIGA DI LAMAN WEB KAMI

Dasar Privasi ini tidak terpakai terhadap laman web lain yang dimiliki oleh pihak ketiga yang pautan kepadanya kami sediakan (seperti pautan kepada Google Analytics di dalam Seksyen 6 di atas). Syarikat tidak menjamin standard privasi pautan pihak ketiga di Laman Web kami atau bertanggungjawab terhadap kandungan laman web pihak ketiga yang dipaut di Laman Web kami.

8. DATA PERIBADI DARIPADA INDIVIDU BAWAH UMUR

Syarikat tidak akan dengan sengaja mengumpulkan, menggunakan atau mendedahkan sebarang Data Peribadi daripada individu bawah umur yang berusia di bawah 18 tahun. Sebarang Data Peribadi yang diberikan oleh individu bawah umur mestilah dikemukakan bersama persetujuan bertulis daripada penjaganya seperti ibu bapa atau penjaga menerusi serahan secara langsung.

9. PERUBAHAN KEPADA DASAR PRIVASI INI

Anda memperakui bahawa Syarikat boleh dari masa ke masa mengubah, meminda, menambah atau memadam atau selainnya mengemas kini Dasar Privasi ini atas budi bicara Kami, tanpa pemberitahuan terlebih dahulu. Kami akan memaparkan notis di Laman Web sebelum tarikh

kuat kuasa perubahan yang berkenaan. Jika perubahan tersebut adalah bercanggah dengan peruntukan Dasar Privasi ini, dan sekiranya diperlukan di bawah undang-undang dan peraturan yang berkaitan Kami akan memaklumkan kepada Anda atau memberi Anda peluang memutuskan sama ada untuk mengeluarkan Data Peribadi Anda.

Untuk sebarang pertanyaan atau tuntutan berkaitan pengendalian data peribadi/data peribadi sensitif oleh kami, sila berhubung dengan wakil yang Anda berurusan atau dengan Pegawai Perlindungan Data kami, butiran seperti yang dinyatakan di bawah:

Pegawai Perlindungan Data

Tel: +603 - 5569 8388

E-mel: fmal.dpo@fujifilm.com

Alamat: FUJIFILM (Malaysia) Sdn. Bhd., Level 19, CelcomDigi Tower, No. 6, Persiaran Barat, Seksyen 52, 46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

-TAMAT DASAR PRIVASI DATA DALAM TALIAN FUJIFILM –

Dikemaskini: 10 Jun 2025
FUJIFILM (Malaysia) Sdn. Bhd.